

TUAH KOTAK PERKEBUNAN

SMK Puteri Wangsa, Johor Bahru membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, trofi dan sijil kecemerlangan apabila muncul johan pertandingan Young Innovate Johor 2016, baru-baru ini.

Pertandingan di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai itu menyaksikan sekolah berkenaan mempertaruhkan projek

Farming Box iaitu kotak yang menyediakan penyelesaian pengairan dan pencahayaan secara automatik kepada pengusaha tanaman komersial dan domestik.

Pasukan yang dibimbing Tan Jiun Wen itu mempamerkan reka bentuk susunan cermin yang menjadi penyelesaian mudah kepada pengguna.

Tempat kedua dimenangi

SMK Bandar Uda Utama dengan projek inovasi Smart Scarecrow manakal ketiga, SMK Sultan Ismail dengan projek Smart Pot, manakala tempat keempat SMK Ulu Tiram dengan projek Auto Fish Feeder.

Keempat-empat pemenang juga dijemput mempamerkan produk inovasi mereka sempena Johor Entrepreneurship n Innovation Day (JEnID) 2016

yang berlangsung dari 4 hingga 6 Oktober lalu.

Pertandingan dirasmikan wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Johor Mustafa Ibrahim. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UTM Prof Dr Rose Alinda Alias.

Dalam ucapannya Dr Rose Alinda menekankan konsep 21st Century Education yang pembelajarannya

**PELAJAR SMK Puteri Wangsa gembira
meraikan kemenangan mereka.**



lebih berasaskan projek, menggunakan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan ciri pencipta dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, berdasarkan maklum balas pihak sekolah, pelajar yang mendapat inspirasi dan semangat dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematic (STEM) berjaya membangunkan kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kritis, sikap tabah dan bekerjasama.

“Pelajar turut mendapat inspirasi terhadap pembelajaran sepanjang hayat melalui pendedahan kepada sumber terbuka perisian, peningkatan keberanian serta keyakinan diri,” katanya.

Seramai 511 peserta menyertai program ini terdiri daripada 386 pelajar sekolah menengah, 35 guru, 60 kru, 30 mentor serta 104 kumpulan dari 32 sekolah terbabit.